UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam

TEKS UCAPAN

YANG BERUSAHA

Ts Dr MOHAMAD AZHAR BIN MOHD NOOR

PENOLONG REKTOR KAMPUS BERTAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG

SEMPENA

PROGRAM EARTH PATROL

DI

PADANG KOTA LAMA

PADA

4 JANUARI 2025 /

4 REJAB 1446H (SABTU)

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمـــنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

1. Yang Berbahagia
Dato' Ir Rajendran A/L P. Anthony
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

2. Yang berusaha
Ir Ts Mohd Halmi bin Abas
Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Fasiliti
UiTM Pulau Pinang

3. Yang berusaha
Barisan pegawai
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

4. Yang berusaha
En Ahmad Mahfuz Abu Bakar dan **Puan Asma Bakar**
Penasihat Kelab Jawatankuasa Perwakilan Kolej Az-Zahrawi
Selaku penganjur program

5. Seterusnya ahli jawatankusasa, para mahasiswa serta semua hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.r.t.

Salam Malaysia Madani

Salam UiTM Dihatiku.

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul di Padang Kota Lama, sebuah lokasi yang bersejarah, di pagi yang indah ini untuk menjayakan program kemasyarakatan dan kesukarelawanan iaitu **Earth Patrol**.

2. Saya ingin merakamkan **penghargaan** kepada Yang Berbahagia **Dato' Ir. Rajendran A/L P. Anthony** kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita hari ini. Kehadiran Dato' Bandar merupakan satu **penghormatan dan bukti sokongan** terhadap usaha memperkukuh kesedaran tentang kelestarian alam sekitar dalam masyarakat.

Hadirin sekalian

3. Program Earth Patrol ini adalah inisiatif yang amat signifikan, bukan sahaja untuk memberi kesedaran kepada mahasiswa tetapi juga untuk menyampaikan **mesej penting** kepada masyarakat tentang **tanggungjawab kita terhadap alam sekitar**. Di era moden ini, isu-isu seperti perubahan iklim, pencemaran, dan penyusutan sumber semula jadi semakin membimbangkan. Justeru, program ini adalah langkah proaktif untuk **membina generasi** yang **peka dan bertanggungjawab** dalam menjaga kelestarian alam.

4. Selain itu, usaha **memupuk semangat kesukarelawan** dalam kalangan mahasiswa melalui program ini amatlah dipuji. Sikap sukarelawan bukan sahaja **memperkayakan nilai peribadi** seseorang, malah **mencerminkan keprihatinan** kita sebagai sebuah komuniti yang peduli dan berdaya saing. Kepimpinan, keprihatinan, dan semangat gotong-royong yang dihayati oleh mahasiswa melalui program ini adalah asas penting untuk **membentuk masyarakat yang harmoni dan maju**.

Hadirin yang dihormati sekalian

5. Saya juga amat berbesar hati melihat pemilihan **Padang Kota Lama** sebagai lokasi program ini. Lokasi ini bukan sahaja menjadi **simbol warisan dan sejarah UNESCO**, tetapi juga satu tempat yang menggambarkan kepentingan hubungan antara manusia, budaya, dan alam sekitar.

6. Akhir kata, saya berharap program ini dapat **meninggalkan impak yang mendalam** kepada semua yang terlibat. Semoga semangat yang dicetuskan di sini dapat menjadi **pencetus perubahan** ke arah kehidupan yang lebih lestari. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada penganjur dan semua peserta atas usaha dan komitmen anda dalam menjayakan program ini.

PENUTUP

7. Sebelum saya mengundur diri, izinkan saya lantunkan dua rangkap pantun.

Pergi ke kota bersama teman,
Padang Kota tempat pilihan;
Menjaga alam jadi amalan,
Indah berseri tiada pencemaran.

Angin laut menyapa mesra,
Pantai membiru di tepi sana,
Warisan UNESCO megah tertera,
Bersama menjaga bumi tercinta.

Sekian, *Wabillahi Taufiq Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*
Terima kasih.